

1819: PENUBUHAN SINGAPURA DARI KACA MATA ISA KAMARI

(1819: Isa Kamari's Perspective on the Establishment of Singapore)

Harry Aveling

h.aveling@latrobe.edu.au

Adjunct Professor, Asian Studies,

La Trobe University,

Victoria 3086, AUSTRALIA.

Tel.: +61 3 9479 2690.

Abstrak

1819 merupakan tahun “penubuhan Singapura” oleh pihak British. Pada awal tahun tersebut, Sir Stamford Raffles menandatangani perjanjian awal dengan Temenggung Johor bagi membolehkan pihak British menubuhkan sebuah pusat perdagangan di pulau tersebut (Turnbull, 1989:1). Menjelang tahun 1824, keinginan British untuk mendirikan sebuah pusat perdagangan direalisasikan dengan sebuah perjanjian yang membolehkan pihak British menguasai seluruh Singapura. *1819* juga merupakan tajuk yang diberikan kepada terjemahan Inggeris novel *Duka Tuan Bertakhta* (2011) oleh penulis tersohor Melayu Singapura Isa Kamari. Novel tersebut berkisar tentang peristiwa yang berlaku pada tahun tersebut di Singapura. Dalam novel tersebut, Raffles, Temenggung Johor dan Sultan Johor yang baru ditabalkan, iaitu Sultan Hussein, memainkan peranan utama. Namun, peranan mereka juga diimbangi dengan peranan yang dimainkan oleh seorang wali, iaitu Habib Nuh, mahaguru silat Wan Cantuk, dan Munsyi Abdullah, yang memberikan pandangan mereka yang tersendiri tentang kesan penjajahan British terhadap Singapura. Dalam makalah ini, tumpuan diberikan terhadap cara Isa menyampaikan ceritanya, bukan tentang penubuhan Singapura pada tahun 1819, sebaliknya tentang kerugian yang dialami oleh masyarakat Melayu Singapura, dan implikasi yang digambarkan dalam cerita tersebut untuk masyarakat Melayu Singapura pada masa kini.

Kata kunci: penubuhan Singapura, Sir Thomas Stamford Raffles, Sultan Hussein, kepimpinan politik, candu

Abstract

The British are said to have “established Singapore” in 1819. At the beginning of that year, Sir Stamford Raffles signed a preliminary agreement with the Temenggung of Johor that allowed him to establish a trading post on the island (Turnbull, 1989: 1). By 1824, the British desire to establish a trading post had given way to the imposition of a treaty that permitted the British to control the whole island. 1819 is also the title of the English translation of Isa Kamari’s novel Duka Tuan Bertakhta. Isa is a leading Singapore novelist and the novel deals with the events of those important years. Raffles, the Temenggung and the newly crowned Sultan Hussein of Johor all major roles in the novel. But equally important are the holy man, Habib Nuh, the silat teacher Wan Cantuk, and Munsyi Abdullah, a writer; all of whom give their opinion on the effects of the British colonization of Singapore. This article focuses on the way that Isa presents the loss suffered by the Malay community of Singapore and the implications of that loss for contemporary Malay society in Singapore, rather than just the historical events of 1819.

Keywords: establishment of Singapore, Sir Thomas Stamford Raffles, Sultan Hussein, political leadership, opium

Sejarah hanya berpihak kepada yang mempunyai kuasa dan ilmu ... kalau kita leka, bodoh atau pentingkan diri sendiri, senang orang lain mempergunakan kita

(Isa, 2013c:126).

PENDAHULUAN

1819 sering kali dianggap sebagai tahun “penubuhan Singapura” oleh pihak British. Seperti yang ditulis oleh C.M. Turnbull pada permulaan bukunya *A History of Singapore*, “Era moden Singapura bermula pada 30 Januari 1819 apabila Temenggung Johor menandatangani perjanjian awal dengan wakil Syarikat Hindia Timur, Sir Stamford Raffles, bagi membolehkan pihak British menubuhkan sebuah pusat perdagangan” (Turnbull, 1989: 1).¹ Perjanjian tersebut tidak memberikan hak memiliki tanah mahupun hak menggubal undang-undang. Hak-hak tersebut hanya wujud selepas itu (Turnbull, 1989: 21). *1819* juga merupakan tajuk yang diberikan kepada terjemahan Inggeris novel *Duka Tuan Bertakhta* (2011) oleh penulis tersohor Melayu Singapura Isa Kamari. Novel tersebut berkisar tentang peristiwa yang berlaku pada tahun tersebut di Singapura. Dalam makalah ini, tumpuan diberikan terhadap cara Isa menyampaikan ceritanya, tidak tentang penubuhan Singapura pada

tahun 1819, tetapi tentang kerugian dan implikasi yang dialami oleh masyarakat Melayu Singapura, dan masyarakat Melayu Singapura pada masa kini.

Isa Kamari dilahirkan di Kampung Tawakal berdekatan Whitley Road, Singapura pada tahun 1960. Bapanya melakukan pelbagai jenis kerja termasuk membaiki mesin taip dan menjadi tukang kebun, sementara ibunya pula mencari pendapatan tambahan untuk seisi keluarga sebagai pembantu rumah. Pada usia remajanya, keluarga Isa berpindah dari kampung ke sebuah pangsapuri milik Lembaga Pembangunan dan Perumahan di Ang Mo Kio. Beliau menerima pendidikan awal di Whitley Primary School dan kemudiannya di sekolah elit Raffles Institution. Pada tahun 1988 beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda Seni Bina (dengan kepujian) daripada University of Singapore. Kini, beliau memegang jawatan Timbalan Pengarah, Bahagian Infrastruktur Komuter, Penguasa Pengangkutan Darat, Singapura. Beliau juga memperoleh ijazah sarjana falsafah persuratan Melayu daripada Universiti Kebangsaan Malaysia. Tesis sarjana beliau bertajuk “Budaya Politik dalam Novel Melayu Singapura” (2007). Karya beliau menerima pelbagai penghargaan. Beliau menerima anugerah SEA Write Award pada tahun 2006, Singapore Government’s Cultural Medallion pada tahun 2007, dan Anugerah Tun Seri Lanang. Anugerah Tun Seri Lanang merupakan anugerah tertinggi di Singapura untuk sastera Melayu, pada tahun 2009. Pada tahun 2009, beliau berkahwin dengan sepupu jauhnya, Sukmawati Sirat (Ph.D. dalam Perhubungan Politik dan Antarabangsa, University of Southern Carolina 1995; tajuk tesis: “Trend Kepimpinan Politik Melayu: Pemimpin Politik Melayu dalam Parti Tindakan Rakyat”). Mereka dikurniai dua orang puteri, Dhuha (lahir pada tahun 1990) dan Iman (lahir pada tahun 1998). Pada tahun 2001 beliau menunaikan ibadat haji di Mekah.

Isa Kamari merupakan seorang penulis prolific. Penerangan ringkas bagi terjemahan Inggeris novelnya *Satu Bumi* (1998) (*One Earth*, diterjemahkan oleh Sukmawati Sirat) menyatakan, “Pada sebelah siang, Isa Kamari bekerja sebagai seorang jurutera, tetapi apabila malam melabuh tirainya beliau bertukar menjadi seorang penulis, menulis cerita, skrip drama, lagu dan puisi” Antara cerpen karya beliau termasuklah “Sketsa Minda”, 1993b, dan “Celupan: 16 Cerita Jiwa Resah”, 2010a. Novel beliau dalam bahasa Melayu (dan terjemahan Inggeris) termasuk *Menara*, 2002a (*The Tower*, diterjemah oleh Alfian Sa’at, 2013c); *Kiswah*, 2002b; *Tawassul*, 2002c (*Intercession*, diterjemah oleh Sukmawati Sirat 2008); *Atas Nama Cinta*, 2006 (*Nadra*, diterjemah oleh Sukmawati Sirat, 2008); *Memeluk Gerhana*, 2007 (*A Song of the Wind*, diterjemah oleh Sukmawati Sirat dan R. Krishnan, 2013a); *Rawa: Tragedi Pulau Batu Puteh*, 2009b (*Rawa*, diterjemah oleh R. Krishnan, 2013b); dan *Duka Tuan Bertakhta*, 2011 (*1819*, diterjemah oleh R. Krishnan, 2013d). Puisi-puisi beliau banyak bertemakan Islam seperti: “Sumur Usia”, 1993a; “Munajat

Sukma”, 2003; “Ka’bah: 33 Puisi Tanah Suci”, 2006b; “Lorong Wahyu, 33 Puisi Tanah Suci, 2006c; “Cinta Arafat: 34 Puisi Tanah Suci”, 2006d; dan “Menara”, 2010b. Beliau telah menerbitkan satu jilid drama pentas bertajuk *Pintu: Tiga Drama Pentas*, 2009a. Isa juga menulis lagu dan lirik untuk siri drama televisyen dan dokumentari, dan merupakan ahli kumpulan trio Siffillsirr yang memperjuangkan lagu-lagu kerohanian. Kumpulan tersebut telah pun menerbitkan beberapa buah album.

KEHIDUPAN SEBAGAI SEORANG MELAYU DAN IMBAUAN SEJARAH

Banyak novel Isa ditulis berdasarkan fakta sejarah. Dalam mukadimah esainya “*Some Personal Reflections on Political Culture in Contemporary Singapore Malay Novels*” yang ditulis berdasarkan tesis beliau, Isa memberi penjelasan yang mengharukan:

Pada suatu petang, anak perempuan saya yang berumur lapan tahun, pulang dari sekolah lalu menangis dengan tiba-tiba. Esakannya menghiris jantung saya kerana saya dapat merasakan bahawa dia betul-betul mengalami semacam pergulatan batin. Bila saya mengajaknya berbicara dia memeluk saya dengan erat. Saya membiarkannya mengalirkan air mata seketika. Tanpa dipelawa dia tiba-tiba berkata: “Adakah saya benar-benar orang Melayu, ayah? Kawan-kawan memanggil saya Cina di sekolah.”

Saya tersentak sebentar dan memandang wajahnya yang kuning langsung seperti ibunya, sambil mengesat air mata yang membasahi pipinya. “Adakah saya Cina, ayah?” Saya tersenyum lantas menjawab, “Tidak sayang, kau keturunan Melayu.” Jawapan itu spontan tetapi jelas belum beres.

Memang saya mendaftarkan keturunannya sebagai Melayu di surat lahirnya. Tetapi saya juga akur isteri saya bukan Melayu tulen. Ibu isteri saya keturunan Cina. Khabarnya, ibu mentua saya itu telah diserahkan keluarganya kepada keluarga Melayu ketika pendudukan Jepun dahulu. Bapa mertua saya pula berdarah campuran Melayu dan Jepun. Saya sendiri keturunan Jawa dan Melayu. Maka anak saya keturunan apa ya?

Beliau menambah lagi:

Persoalan itu menguasai benak saya lalu merebak dan bercabang. Adakah darah yang menentukan keturunan? Atau budaya yang mencorakkannya? Adakah ia penting untuk kesejahteraan hidup manusia? Adakah keturunan menentukan jati diri dan kemanusiaan seseorang? Saya menjadi bingung. Mengapakah persoalan demikian menjadi bertambah berat bila ia melibatkan darah-daging sendiri? (2010: 66).

Jadi siapakah sebenarnya orang Melayu dan apakah ertinya menjadi seorang Melayu di Singapura hari ini? *1819* merupakan sebahagian daripada projek Isa yang lebih besar, iaitu menulis “Ceritera Singapura” (“Lily’s Room”, 2011), dahulu dan masa kini. *Satu Bumi* menceritakan kisah seorang perempuan Cina yang diambil sebagai anak angkat oleh keluarga Melayu pada zaman pendudukan Jepun dan merupakan titik permulaan bagi minat Isa terhadap peranan sejarah dalam membentuk identiti Singapura dan Malaysia. Buku tersebut turut memuatkan komen awal Isa tentang penubuhan Singapura:

Malah sesiapa sahaja yang mahu menyelidiki sejarah akan tahu bahawa dari dahulu lagi penjajah yang menamakan dirinya penyelamat dan orang yang beradab telah mencucuk dan mengadudombakan Kesultanan Melayu Riau. Salah yang berdaulat juga. Kepentingan peribadi mengabui pertimbangan. Terpisahlah bumi yang dahulunya satu (2008: 60).

Nadra sebuah novel yang berkisar tentang kes Maria Hertogh yang penuh kontroversi pada tahun 1951 (lihat Noraini Md Yusof and Ruzy Suliza Hashim, 2010, dan Syed Muhd. Khairudin Aljunied, 2009). *Rawa* pula merupakan sebuah kisah tentang orang Selatar dan perubahan besar yang berlaku terhadap cara hidup mereka dari tahun 1950-an ke 1980-an. Novel ini juga memberikan gambaran tentang fasa-fasa sejarah penaklukan “kesemua pulau di kawasan Riau-Lingga dalam kerajaan Melayu ” (Isa, 2013c:126). *Memeluk Gerhana* (2013b) merupakan autobiografi separa untuk tempoh dari tahun 1960-an ke 1990-an. Projek penulisan sejarah Melayu Singapura telah bergerak dalam berbagai-bagai hala tuju. Namun, novel terjemahan beliau yang baru diterbitkan dalam bahasa Inggeris, iaitu, *1819*, *Rawa* dan *Song of the Wind* dapat dilihat mempunyai kronologi yang tersusun, seperti yang ditemui oleh ramai pengulas trilogi tersebut (termasuk Aveling, 2012).

PENUBUHAN SINGAPURA: SEJARAH

Seperti yang Isa katakan:

Tiada cara lain yang lebih baik untuk mengisahkan “Ceritera Singapura” selain menulis tentang pembukaannya pada 1819. Dalam *Duka Tuan Bertakhta*, saya menawarkan sejarah alternatif penemuannya oleh Stamford Raffles. Beliau telah digambarkan sebagai wira dalam versi sejarah rasmi Singapura tetapi saya mendapati bahawa beliau sebenarnya adalah bajingan yang bertanggungjawab ke atas banyak pembunuhan.

Novel itu juga mengisahkan bagaimana pihak British telah menggunakan pertelingkahan antara kerabat Sultan Johor dengan Yamtuan Muda Riau, dan menipu Sultan Hussein dan Temenggong Abdul Rahman yang rakus dan lemah untuk “menjual” Singapura kepada Syarikat Hindia Timur British yang mengambil kuasa penuh ke atas pulau ini pada 1823.

(“Lily’s Room”, 2011)

Perbincangan ini dimulakan dengan ringkasan sebuah kisah yang disifatkan oleh para ahli sejarah sebagai amat rumit (Collis, 1985; Tarling, 1963; Trocki, 2007; Turnbull, 1989; dan Wake, 1975). Pada tahun 1819, Singapura merupakan sebuah pulau kecil berpaya yang dimiliki oleh Kesultanan Johor (Collis, 1985:43). Pulau ini terletak antara dua konflik kontemporari yang lebih luas di Nusantara, iaitu konflik yang dicituskan oleh syarikat Belanda dan Inggeris yang inginkan keuntungan komersial dan juga kawasan tanah, dan konflik yang dicituskan oleh kumpulan Melayu dan Bugis demi menegakkan dan memperkukuh kuasa raja tradisional dan juga demi keuntungan komersial.

Singapura merupakan cebisan kecil sebuah unit politik yang lebih besar yang telah mengalami perpecahan yang amat serius (Trocki, 2007:15). Unit tersebut merangkumi Kepulauan Riau-Lingga dan kawasan Johor dan Pahang di Semenanjung (Wake, 1975:49). Unit politik itu, yang dikenali sebagai Kesultanan Johor, mendirikan pusat pentadbirannya bukannya di tanah besar Semenanjung Melayu (“Johor Moden” ialah istilah yang digunakan oleh Trocki, 2007: 21), tetapi di Riau, di Pulau Bentan dan Lingga. Riau merupakan pusat kerajaan dan pusat perniagaan utama yang diperintah oleh Yamtuan Muda berketurunan Bugis. Namun, secara teorinya kawasan tersebut terletak di bawah kuasa Lingga yang diperintah oleh Yamtuan Besar yang lebih terserlah kemelayuannya. Pihak Belanda menuntut kuasa terhadap kedua-dua kawasan tersebut.

Sultan “Johor Lama”, iaitu Sultan Mahmud mangkat pada bulan Januari tahun 1812 dan meninggalkan dua orang putera daripada dua orang isteri yang bukan berketurunan raja. Oleh sebab anaknya yang sulung, Hussein Tunku Long (“Sulong”), pada ketika itu berada di Pahang kerana urusan perkahwinannya, maka anaknya Abdu’r Rahman menuntut takhta dengan sokongan orang Bugis, dan tanpa menerima alat kebesaran Sultan yang berada dalam simpanan balu Sultan yang enggan menyerahkannya. Abdu’r Rahman terus menetap di Lingga, manakala saudaranya Hussein menetap di Riau. Pada ketika itu, Singapura, pulau-pulau yang berdekatan dan sebahagian daripada Sumatera Timur diperintah oleh Temenggong, yang juga bernama Abdu’r Rahman. Beliau merupakan salah seorang menteri

kanan Sultan (Turnbull, 1989:5). Temenggung baru sahaja berpindah dari Riau ke Singapura pada 1818 untuk meneruskan “tugas-tugas biasa” beliau termasuk urusan perdagangan, memungut cukai dan mengawal pelabuhan dan perairan persekitaran (Trocki, 2007:61). Turnbull menganggarkan bahawa pada bulan Januari 1819 jumlah penduduk Singapura mencecah 1000 orang merangkumi 500 orang Kallang, 200 orang Selatar, 150 orang Gelam di Sungai Singapura dan orang laut lain di kawasan Keppel Harbour, 20-30 orang Melayu dalam rombongan pengiring Temenggung, dan sejumlah sama orang Cina (Turnbull, 1989:5, lihat juga Trocki, 2007:58-59) untuk ulasannya mengenai “orang Melayu”, iaitu yang dimaksudkan dengan istilah tersebut pada masa itu. Analisis mengenai pengikut Temenggung berjumlah 6000 hingga 10 ribu orang di kawasan persekitaran. Mengenai “orang suku laut”, sila lihat Turnbull, 1989:5 dan Chou, 2010).

Pada bulan Oktober 1818, sejeurus selepas kembali dari England dan memulakan tugasnya sebagai Leftenan Gabenor di Bencoolen, Sumatera, Sir Stamford Raffles melawat Calcutta untuk berbincang dengan Gabenor Jeneral India, iaitu Lord Warren Hastings, mengenai rancangannya untuk memperluas pengaruh British di Sumatera dan menjamin laluan pelayaran British antara Tanjung Harapan dengan China. Hastings tidak bersetuju sepenuhnya dengan rancangan Raffles namun membenarkannya membuat perjanjian dengan Aceh dan mendirikan sebuah pusat di Riau, Johor atau mana-mana tempat lain di sebelah selatan dengan syarat beliau tidak menyebabkan tercetusnya apa-apa konflik dengan Belanda (Turnbull, 1989:7). Sekembalinya ke Pulau Pinang pada bulan Disember, Raffles dimaklumkan bahawa pihak Belanda telah mengambil alih kuasa di Riau pada bulan sebelumnya lalu membatalkan perjanjian yang dimeteraikan oleh Residen Melaka, Kolonel William Farquhar (1803-1818), di pulau tersebut pada bulan Ogos. Dengan itu, pihak Belanda menguasai seluruh wilayah tanggungan Riau, termasuk Johor dan pulau-pulau berhampiran. Oleh itu, Raffles mengumumkan bahawa beliau memutuskan untuk mengutus Farquhar bagi memilih dan mendirikan sebuah pangkalan di selatan, manakala beliau pula akan ke Aceh. Walaupun Raffles telah dihalang oleh Gabenor Pulau Pinang untuk pergi ke Aceh tanpa arahan susulan daripada Hastings, beliau secara diam-diam berlepas dari Pulau Pinang pada 17 Januari 1819 dan mengikut Farquhar menuju ke selatan.

Raffles mendarat di Singapura pada 28 Januari 1819. Pada keesokan harinya, beliau bersama-sama Farquhar dan seorang sepoi terus ke kediaman Temenggung untuk memintanya menandatangani perjanjian sewa yang membenarkan British membina loji (pusat perdagangan) di Singapura. Raffles menawarkan kadar sewa yang menarik bagi mendapatkan keistimewaan tersebut. Temenggung memaklumkan bahawa pulau Singapura milik Johor dan beliau perlu mendapat persetujuan Sultan

Johor terlebih dahulu. Namun, Temenggung Abdu'r Rahman berjaya dipujuk agar menandatangani suatu perjanjian awal yang akan disahkan kemudian, bagi membenarkan Raffles membawa angkatan tenteranya ke daratan dan mendirikan sebuah loji. Farquhar diutuskan bersama-sama dengan empat puluh orang askar dan kelasi bagi mendapatkan persetujuan Sultan Abdu'r-Rahman, manakala Temenggung mengutuskan orangnya bagi membawa Hussein ke Singapura. Seperti yang dijangkakan, Sultan Abdu'r Rahman menolak cadangan tersebut. Hussein tiba pada 1 Februari tetapi dengan gaya penampilan yang kurang menarik serta perasaan yang agak takut terhadap Belanda (Collis, 1985:136). Raffles berjaya memujuknya, dan berjanji akan mengembalikan kepada beliau kedudukannya yang sah. Pada 6 Februari 1819, Raffles menandatangani sebuah perjanjian rasmi yang lebih terperinci dengan Temenggung dan "Duli Yang Maha Mulia Sultan Hussein Mahomed Shah Sultan Johor". Perjanjian tersebut memberikan hak kepada Syarikat Hindia Timur untuk mengasaskan sebuah pusat perdagangan di sana, dengan membayar 5000 dolar Sepanyol setahun kepada Sultan dan bantuan kewangan sebanyak 3000 dolar Sepanyol kepada Temenggung. Pelbagai hadiah termasuk candu dan senjata diagihkan dalam upacara tersebut yang diikuti dengan majlis minum yang berlarutan hingga lewat petang. Farquhar dilantik sebagai Residen dan Komandan di bawah kuasa Leftenan-Gabenor Bencoolen.²

Selepas peristiwa tersebut, Raffles bergegas pulang ke Pulau Pinang pada keesokan hari bagi menjawab kritikan Syarikat dan pihak Belanda terhadap tindakannya. Farquhar menyelia urusan pembangunan kawasan penempatan dengan lancar dan jayanya sehinggalah pada tahun 1822, apabila Raffles mengambil alih tugas Residen pada bulan April dan seterusnya menjadi Komandan pada bulan Mei, lantaran perbezaan peribadi yang amat ketara antara kedua-dua mereka, Turnbull berpendapat bahawa perlakuan Raffles terhadap Farquhar boleh dianggap sebagai yang terburuk dalam kerjaya beliau. Beliau menyisihkan rakannya yang selama ini memberikan sokongan tidak berbelah bahagi kepadanya ketika mengharungi ranjau dan onak duri pada tahun pertama dan kemudian telah membangunkan kawasan penempatan sehingga menjadi sebuah kawasan yang meriah dan indah sehingga Raffles kembali pada tahun 1822 (1989:19; lihat juga Wake, 1975:48). Raffles kemudian, secara bersendirian, menyusun semula pekan tersebut dan pelabuhannya; melaksanakan undang-undang Inggeris sebagai undang-undang umum Singapura; menghapuskan sistem perhambaan; dan menubuhkan Institusi Singapura sebagai "tindakan terakhirnya untuk masyarakat" (Turnbull, 1989:24). Hubungan Raffles dengan Sultan dan Temenggung menjadi semakin buruk. Menurut Turnbull:

Beliau benci Hussein, tidak mempercayai Temenggung, dan rancangannya tidak dapat dihalang. Dia telah cuba mereformasikan cara-cara mereka dan menawarkan untuk menguruskan penghantaran barang-barang dari Calcutta untuk dijual oleh mereka dengan komisyen, namun mereka mencemooh kerja pedagang dan menganggapnya sebagai kerja yang hina dan tidak layak dibuat oleh putera-putera raja Melayu. Mereka juga menolak tawaran Raffles untuk mendidik anak-anak mereka di India di bawah tanggungan Syarikat. Selepas itu Raffles mengalah dan memberhentikan segala usaha yang dilakukannya untuk menjadikan pembesar-pembesar Melayu dan waris mereka sebagai rakan kongsi yang berilmu pengetahuan dalam kerajaan. Beliau membayar elaun mereka tepat pada masanya, namun melepaskan mereka sedikit demi sedikit daripada perkhidmatan awam. Pada bulan Disember 1822, kesemua tuntutan mereka terhadap sebahagian daripada pendapatan kerajaan ditukarkan kepada bayaran tetap bulanan, dan sehari sebelum pemergiannya pada bulan Jun 1823, beliau membuat suatu perjanjian untuk membeli kuasa kehakiman dan hak terhadap tanah-tanah yang terletak di luar kawasan tanah yang biasanya direzabkan untuk mereka (1989: 21-22).

Proses penubuhan Singapura sebagai hak milik penuh dan kekal British selesai pada tahun 1824, di bawah pentadbiran Dr. John Crawfurd, berikutan termeterainya dua perjanjian: Perjanjian Inggeris-Belanda di London pada bulan Mac 1824, yang membahagikan kawasan pengaruh Belanda dan Inggeris kepada dua lingkungan berasingan merentasi Selat Melaka, dan Perjanjian Persahabatan dan Perikatan di antara Syarikat Hindia Timur, Sultan Hussein dan Temenggung pada bulan Ogos 1824. Di bawah perjanjian tersebut Sultan Hussein dan Temenggung menyerahkan Singapura dan kesemua pulau yang terletak dalam lingkungan sepuluh batu dari pantai kepada Syarikat Hindia Timur dan pewarisnya buat selama-lamanya; bersetuju menetap di atas tanah yang telah diperuntukkan untuk mereka; bersetuju bahawa mereka tidak boleh berurusan dengan pihak luar tanpa kebenaran Syarikat; dan mengambil maklum bahawa jika mereka memutuskan untuk menarik diri dari Singapura, maka Sultan akan menerima pampasan sebanyak \$20 ribu, manakala Temenggung akan menerima \$15 ribu. Turnbull berpendapat bahawa “langkah-langkah tersebut gagal mengusir keluar pembesar-pembesar Melayu yang terus menetap di Singapura dan keadaan ini telah memalukan pentadbiran British. Namun, perjanjian tersebut berjaya menghalang mereka daripada menguasai masa depan Singapura” (Turnbull, 1989:28).

Dari satu sudut yang lain pula, langkah-langkah tersebut mempunyai kesan yang lebih besar. Kaedah tersebut memusnahkan fungsi rasmi sultan dan temenggung, menyebabkan mereka kehilangan sumber utama kewangan, dan mengurangkan

secara ketara jumlah kawasan pulau tempat mereka dibenarkan beroperasi (Wake, 1975:65-67). Akibat tindakan British tersebut yang semakin berbentuk unilateral dari tahun 1819 ke tahun 1824, Singapura tidak lagi menjadi sebahagian daripada Kerajaan Melayu di bawah Sultan Hussein dan Temenggung yang masing-masing mempunyai hak pentadbiran, hasil sumber tradisional dan tanah. Singapura telah menjadi sebuah penempatan British dan peranan kedua-dua mereka di situ amat minimum. Malah mereka hampir tidak mempunyai sebarang kuasa di situ (Wake, 1975:48).³

SEJARAH FIKSYEN PENUBUHAN SINGAPURA

Karya fiksi yang dihasilkan berdasarkan fakta sejarah menawarkan pelbagai peluang menarik kepada penulisnya. Noraini Md, Yusof dan Ruzy Suliza Hashim menjelaskan bahawa cara seseorang penulis itu membayangkan sesuatu peristiwa mungkin berbeza daripada cara peristiwa itu biasanya dibayangkan. Seseorang penulis itu mungkin mencipta personaliti dan motivasi baharu bagi watak-watak utama, dan menukar atau menyangkal interpretasi terdahulu mengenai peristiwa dan watak tersebut (2010:10). Karya fiksi tidak semestinya mengikut fakta sejarah yang membosankan dan Isa Kamari berjaya mengolah fakta tersebut dengan cara yang amat kreatif.

1819 (Duka Tuan Bertakhta) menampilkan sebilangan watak berdasarkan sebuah hierarki politik-budaya. Watak-watak tersebut mewakili kumpulan tertentu. Raffles, Farquhar dan Crawford daripada kumpulan Inggeris yang kemudiannya disertai oleh Sir Samuel George Bonham (Gabenor Negeri-negeri Selat dari 1836 hingga 1843). Mereka memegang tampuk pemerintahan tertinggi, tetapi agak berbeza daripada pembesar Melayu tradisional, iaitu Temenggung dan Sultan, daripada kumpulan kedua. Temenggung dan Sultan mempunyai persamaan dan juga perbezaan dengan dua pemimpin Melayu yang lain, iaitu Habib Nuh bin Habib Muhammad (1788-1866) seorang alim yang berketurunan Arab dan Wan Cantuk (1765-1835)⁴ seorang dukun dan guru silat berketurunan Bugis. Habib Nuh dan Wan Cantuk amat dihormati masyarakat bukan kerana keturunan tetapi kerana kemahiran dan ilmu yang ada pada mereka. Terdapat juga watak fiksi yang lebih muda dan sudah tentu Melayu, iaitu Nuraman, anak murid silat Wan Cantuk; Marmah, anak angkat Wan Cantuk; dan anak-anak muda Ramli, Sudin dan Ajis. Anak-anak muda ini memainkan peranan yang menonjol dalam novel tetapi tidak terlibat secara langsung dalam kisah penubuhan Singapura. Oleh itu, tidak akan dibincangkan apa-apa mengenai mereka kecuali pada penghujung makalah ini. Munsyi Abdullah (1796-1854) pula

merupakan watak tambahan yang tidak begitu menonjol namun memberi komen penting tentang kumpulan tersebut.

Novel *1819* dimulai dan diakhiri dengan cerita Habib Nuh yang disifatkan oleh Muhammad Ghouse (2008) sebagai “wali besar Singapura”. Beliau kerap muncul sepanjang penceritaan novel ini. Sesetengah orang Singapura sedia maklum tentang kedudukan makam atau keramat Habib Nuh (37 Palmer Road) sebagai salah satu kawasan utama yang dikunjungi orang Islam di Singapura. Nama penuh beliau ialah Sayyid Nuh bin Sayyid Mohamad bin Sayyid Ahmad al-Habshi. Beliau lahir sewaktu ribut lebih kurang pada tahun 1788 di atas sebuah kapal yang sedang belayar dari Palembang ke Sumatera. Oleh itu, beliau dinamakan Nuh oleh kedua-dua ibu bapanya sempena dengan Nabi Nuh. Beliau dibesarkan oleh ibu saudaranya Sharifah Seha di Pulau Pinang. Bapanya menerima sejumlah kecil elaun daripada Kerajaan British yang baru ditubuhkan kerana kerja amalannya dalam kalangan fakir miskin. Menurut Muhammad Ghouse (2008:33) “lebih kurang tahun 1819”, Habib Nuh menerima pelawaan Habib Salim bin Abdullah Ba Sumayr, seorang ahli sufi tareqat Naqshbandi dari Hadramaut untuk berpindah ke Singapura. Lalu beliau menuju ke Singapura meninggalkan anak perempuannya yang dilahirkan oleh ibunya yang meninggal dunia ketika bersalin. (Ghouse, 2008:33 menjelaskan bahawa “pada ketika itu, Singapura sedang dibangunkan secara pesat oleh Sir Stamford Raffles dari Syarikat Hindia Timur”. Oleh itu, kemungkinan besar tarikh tersebut, iaitu tahun 1819, simbolik semata-mata.) Nuh menetap di Singapura selama “lima puluh tahun” (berdasarkan obituari beliau dalam akhbar *The Singapore Free Press*, 2 Ogos 1866, yang disiarkan “beberapa hari” selepas kewafatannya, Ghouse, 2008:54).

Ghouse menerangkan bahawa Habib Nuh sering memberi ceramah agama dan mendakwahkan masyarakatnya agar hidup dengan cara yang benar, menumpukan diri terhadap pengajian agama dan pembacaan al-Quran, serta membela golongan fakir miskin. Beliau juga “sering melawat Johor dan negeri-negeri Semenanjung yang lain” (Ghouse, 2008:33). Ghouse juga menjelaskan betapa alimnya wali tersebut, walaupun tidak menukilkan apa-apa daripada ajarannya. Beliau hanya mendedikasikan sebuah bab yang agak panjang tentang keanehan dan *karamah* Habib Nuh. Antara kelakuan anehnya termasuklah mengambil barang dan duit dari kedai-kedai dan memberikannya kepada fakir miskin, muncul di khalayak ramai tanpa memakai baju, dan meminati opera Cina. Antara *karamahnya* yang lain termasuklah berkeupayaan membaca minda manusia, mendiagnosis dan merawat penyakit (sering kali dari jarak jauh), menghilangkan diri secara mengejut dari satu tempat dan muncul di tempat yang lain, menukar air menjadi susu, mengelak diri daripada dipenjarakan, mempunyai kuasa terhadap binatang, terutamanya kuda, seperti menenteramkan kuda yang ditunggang oleh Crawford secara kurang sopan pada

satu ketika, dan kuda membawa jasadnya untuk dikebumikan. Beliau juga dikatakan pernah berjumpa dengan Nabi Muhammad beberapa kali dan sering bersembahyang Jumaat di hadapan Kaabah (Ghouse, 2008:37-45). Berdasarkan peristiwa aneh yang berlaku kepada Habib Nuh dan kuasa ajaibnya, Ghouse mengkategorikan Nuh sebagai wali majzub, iaitu seorang wali yang hidup dalam kesatuan Ilahi secara berterusan, dan tidak terikat dengan adat kebiasaan dan resam masyarakat (Ghouse, 2008:21, 42; Georg Feuerstein, 1991, seorang pemikir Amerika, menyifatkan kategori ini sebagai “pakar-pakar yang gila tapi pandai” dan “badut kudus”⁵). Dalam *1819*, Habib Nuh merupakan rujukan utama bagi tingkah laku watak Melayu kecil yang mengikuti ajarannya, menonton opera Cina sepertinya dan memakan pisang goreng yang dibelinya. Beliau dihormati masyarakat umum, memberikan berkat kepada anak-anak mereka, menyembuhkan penyakit, dan tidak membenarkan dirinya meromok ketakutan di hadapan kuasa British, Sultan mahupun Wan Cantuk). Kealiman “menggila” Habib Nuh (lihat halaman 184) merupakan kerangka utama bagi penilaian moral sebilangan besar watak utama lain dalam buku tersebut.

Dalam bab pertama *1819*, Habib Nuh dikejutkan dengan mimpi yang dialaminya sebanyak tiga kali berturut-turut mengenai beberapa kejadian “yang baru sahaja berlaku atau sedang berlaku di (Singapura)”. Akibat mimpi tersebut sebuah bayangan gelap mula menyelubungi perasaan gembiranya terhadap pelawaan Habib Salim untuk berpindah ke Singapura untuk memberikan “pertolongan” (Isa, 2013d:9). Berdasarkan kebolehannya meramal, Habib Nuh ternampak “seorang lelaki muda dan sasa berbangsa Inggeris, dengan rambut ikal dan lengan yang sentiasa disilangkan di dada”, dibawa di atas perahu kecil dari sebuah kapal yang berlabuh berdekatan Pulau Sekijang Bendera menuju ke arah muara Sungai Singapura tidak jauh dari kediaman Temenggung (Isa, 2013d: 9). Mimpi tersebut seiring dengan buku karangan Syed Hussein al-Attas *Thomas Stamford Raffles: Schemer or Reformer?* yang ditulis bagi “memperbetul imej Raffles yang dibayangkan secara berterusan dalam karya sejarah sebagai seorang yang berperwatakan baik, disukai ramai dan dikelilingi penyaing yang cemburu terhadapnya ... seorang reformis yang inginkan kedamaian dan kemakmuran untuk penduduk kawasan di mana beliau beroperasi” (1971:51). Habib Nuh merasa amat terganggu dengan “bauan darah” (kita telah pun mendengar komen Isa bahawa Raffles “sebenarnya bajingan yang bertanggungjawab terhadap banyak pembunuhan”). Dalam mimpinya, terkilas di mata batin Habib Nuh:

... pertempuran yang berlaku antara tentera Belanda dan tentera British di Sumatera. Imbasan peristiwa sebuah kapal kecil yang sengaja ditenggelamkan di Sungai Palembang dalam pelayaran ke Batavia dengan muatan 24 orang Eropah, terutama tawanan Belanda, dan 63 penduduk tempatan, mengganggu ketenteraman jiwanya.

Teriakan dan keluhan seramai lebih daripada 1500 tawanan dari Jawa, termasuk perempuan dan kanak-kanak yang diculik dan kemudian dihantar ke Banjarmasin untuk membuka petempatan British di sana menambahkan kemurungannya (Isa, 2013d:9-10, dan 56; bandingkan Syed Hussein al-Attas, 1971:8 dan seluruh Bab 2, 37 dan seluruh Bab 4).

Keempat-empat bab seterusnya, halaman 13 hingga 35 menggambarkan peristiwa tahun 1819. Tiga daripada peristiwa tersebut bermula dengan tarikh tertentu – 19 Januari 1819 (Bab 2, “Batu Kunci”), 28 Januari 1819 (Bab 4, “Rambutan dan Durian”) dan 1 Februari 1819 (Bab 5, “Pancing”). Dalam Bab 2, kapal Indiana belayar dari Pulau Pinang pada 19 Januari. Lapan hari kemudian, iaitu pada 27 Januari, Raffles ditemani Kapten John Crawfurd di atas kapal Investigator dan mantan Komandan dan Residen Melaka, William Farquhar di atas Kapal Enterprise. Maklumat terperinci ini bertujuan menggambarkan peristiwa tersebut dalam kerangka sejarah yang dilihat secara objektif. Motif di sebalik peristiwa tersebut dikupas oleh Isa secara tersendiri dan beliau tidak teragak-agak untuk memberikan gambaran yang agak umum.

Farquhar dan Raffles mempunyai misi jahat yang sama: “keadaan kacau-bilau” yang menyelubungi Kesultanan Johor semenjak kemangkatan Sultan Mahmud “adalah paling sesuai bagi pihak British menanggung di air keruh agar mereka dapat terus menguasai rantau itu” (Isa, 2013d:14). Antara kedua-dua watak tersebut, Farquhar merupakan watak yang lebih positif. Beliau telah berusaha sepanjang tempoh beliau berada di Melaka untuk memahami masyarakat Melayu. Dia tahu tentang latar belakang “keadaan kacau-bilau”; beliau tahu bahawa Singapura “bukan sahaja dihuni orang laut dan lanun, tetapi juga orang Melayu, Cina dan India”; dan telah lama menjadi pusat perdagangan orang Melayu, walaupun keadaannya sekarang tidak lagi seperti dahulu (Isa, 2013d:15). Beliau tahu berdasarkan “kajiannya” dalam bidang *Sejarah Melayu* tentang sejarah kerajaan yang diasaskan oleh Sri Tri Buana yang berkuasa dari tahun 1299 hingga tahun 1347, dan tentang penaklukan Majapahit terhadap kerajaan tersebut pada tahun 1393 (Isa, 2013d:17; Shellabear, 1975:27-29, 32-33). (Kita akan lihat kemudian bahawa Farquhar “mungkin lebih memihak kepada orang Melayu memandangkan beliau mengahwini seorang Melayu bernama Nyonya Clement, anak ibu bapa yang berbangsa Perancis dan Melayu. Hasil perkahwinan tersebut beliau dikurniakan enam orang anak. Anaknya yang sulung, Esther, dikatakan melahirkan anak sulungnya, Agnes Maria Bernhard, di Singapura British pada 26 Julai 1819” (Isa, 2013d:99).

Raffles tidak menghormati Farquhar tetapi masih memerlukannya “buat beberapa tahun lagi”: Farquhar “penting sebagai batu loncatan bagi rancangan besarnya kerana

dia sangat berpengalaman tentang adat dan budaya orang Melayu di rantau ini” (Isa, 2013d:16). Raffles sendiri tidak menghormati orang Melayu. Dalam Bab 2, beliau menganggap surat yang ditulis dengan tulisan Jawi yang sangat kemas dan halus oleh orang yang sudah tentu “sangat menghargai persuratan dan kaya dengan nilai seni dan budaya yang tinggi”, yang beliau terima daripada Sultan Jalil pada tahun 1811, sebagai surat yang ditulis dalam “bahasa orang tidak bertamadun” yang tidak patut diendahkan, malah patut dikeji (Isa, 2013d:14). Beliau tetap percaya bahawa “tiada sebarang hasil bumi berharga yang terdapat di (Singapura). Pulau itu kini hanya didiami orang laut dan menjadi sarang lanun... Begitulah yang dikhabarkan oleh perisiknya yang berbangsa Cina” (Isa, 2013d:15). “Impian” beliau adalah untuk “membina pusat perdagangan British yang makmur dan aman di samping melemahkan kedudukan Belanda” (Isa, 2013d:16). Bagi orang Melayu pula:

Bermula dengan perdagangan, penjajahan tersebut harus merebak ke semua aspek pemerintahan, kehidupan dan budaya kelompok manusia di rantau ini. Manusia di Tanah Melayu khususnya harus diajar supaya hidup bertamadun seperti rakyat British ... Dia bersumpah tidak akan duduk diam dalam kuburnya selagi impian itu tidak terlaksana.

Kini dia melihat dirinya sebagai manusia yang paling layak memulakan penubuhan rangkaian negara jajahan tersebut serta menguasainya. Dia memeluk tubuh dengan bangga. Dia mengumpamakan dirinya sebagai obor yang akan menyalakan semangat imperialisme British di rantau ini. Pulau kecil bernama Singapura adalah batu kunci bagi segala impian serta rancangannya.

(Isa, 2013d:18).

Bab 3, “Beruang Putih”, tidak mempunyai tarikh. Peristiwa ini berlaku antara bab yang bertarikh 19 dan 28 Januari 1819 dan berkisar tentang Tengku Hussein, yang bersembunyi berdekatan sebuah ladang ternakan khinzir di Kepulauan Karimun. Seperti Habib Nuh dan Raffles, Tengku Hussein juga bermimpi. Beliau bermimpi diserang seekor beruang putih. Mimpi tersebut amat mengerikan “sehingga dia terjaga daripada mimpi ngeri tersebut dalam keadaan berpeluh. Malah dia telah terkencing di atas pangkin” (Isa, 2013d:19). Mimpi tersebut menjadi kenyataan apabila pada keesokan harinya, dia ditahan oleh tiga askar British. Dia berasa amat takut sehingga terberak dalam kain sarungnya (Isa, 2013d:20). Askar-askar tersebut pun mengambil putera raja tersebut dalam keadaan yang amat memalukan itu, dengan kedua-dua belah tangannya diikat, lalu dibawa ke pantai. Di situ sembilan buah kapal British sedang berlabuh. “Kemudian terjadilah peristiwa yang mengejutkan semua orang

yang berada di situ” tulis Isa (Isa, 2013d:20). “Ketua orang putih” yang berdiri dengan tiga orang pegawai atasan British menghamun askar tersebut, menyelimutkan Hussein dengan sehelai selimut, mengambil tangannya dan membawanya ke sebuah kabin. Di situ dia diberi “sepasang pakaian raja Melayu yang lengkap”. Penawannya “yang berambut ikal” kemudian tunduk sebagai tanda hormat lalu meninggalkan kabin tersebut (Isa, 2013d:22). Raffles ialah seorang yang pandai memanipulasi, manakala putera raja itu ialah seorang yang bodoh.

Setelah Hussein menyalin baju, Raffles membawanya ke geladak kapal dan secara licik memanggilnya dengan panggilan “Sultan Hussein yang saya muliakan”. Dia kemudian menjemput Hussein ke Singapura untuk ditabalkan sebagai Sultan Singapura. Tengku Hussein membantah hasrat tersebut dan menjelaskan bahawa beliau “Sultan Johor dan bukannya Singapura”. Mendengar akan bantahan tersebut, Raffles dengan lembut dan lancar berkata, “Pihak British akan bantu Sultan Hussein mendapatkan takhta itu kembali. Langkah pertama bagi Sultan Hussein adalah untuk menjadi Sultan Singapura dahulu”. Beliau seolah-olah telah “menghafal segala tutur katanya” (Isa, 2013d:23). Hussein berasa curiga (“pasti ada udang di sebalik batu, fikirnya”), tetapi setelah dibiarkannya bersendirian, perasaan gembira yang tidak terhingga mula menyelubunginya menyebabkan beliau mula menari seperti kanak-kanak (Isa, 2013d:24).

Pada pagi 29 Januari, Farquhar mendarat di Singapura bertemankan seorang askar British. Raffles pada ketika itu, masih nyenyak tidur di atas kapal. Farquhar meninjau kawasan penempatan Temenggung lalu berfikir:

Singapura tetap didiami ramai penduduk dan bukan terbiar seperti yang dikhabarkan kepada Raffles oleh perisiknya. Farquhar terfikir mungkin Raffles sengaja mahu menggambarkan Singapura sebagai pulau yang terbiar demi menanamkan legasi bahawa dialah yang menemukan dan membuka kota di situ, sepertimana Francis Light pernah menemukan Pulau Pinang dahulu. Dia kenal betul sikap Raffles yang licik dan oportunistik. Dia menggeleng-gelengkan kepala sambil tersenyum sinis.

(Isa, 2013d:27).

Farquhar dan Temenggung berbual mesra sambil menjamah rambutan dan betik. Mereka berbincang tentang kemungkinan Singapura dibangunkan seperti British telah membangunkan Melaka. Pada sebelah petang barulah Raffles mendarat. Perbualannya dengan Temenggung adalah lebih langsung. Raffles memberitahu Temenggung bahawa Hussein yang kini bergelar “Sultan Hussein” akan menandatangani sebuah perjanjian rasmi dalam masa beberapa hari lagi apabila baginda tiba. Sementara itu,

Raffles dengan penuh tipu helah memujuknya agar menandatangani sebuah draf surat perjanjian – “surat perjanjian awal, secara ringkas dan kasar” – “draf surat perjanjian yang membenarkan Syarikat Hindia Timur mendirikan loji di Singapura” dengan pemahaman bahawa satu perjanjian rasmi akan ditandatangani dalam masa dua hari lagi (Isa, 2013d:30). Temenggung bersetuju setelah menempelak dan memalukan Raffles dengan memaksanya makan durian (bandingkan Bab 6 *Hikayat Abdullah, di Kota Melaka* yang menggambarkan betapa Raffles membenci buah durian, Hill, 1970:79) dan selepas teringat candu yang dihadaiahkan oleh Raffles pada hari sebelumnya (Isa, 2013d:29).

Akhirnya, pada 1 Februari 1819 (Bab 5), Sultan Hussein tiba. Baginda menangguk upacara penandatanganan perjanjian buat tempoh lima hari lagi bagi meminta pendapat pawang di situ. Hal ini membuat Raffles bertambah marah terhadap sifat “tahayul” orang Melayu (Isa, 2013d:34). Dalam bab ini Raffles amat marah kerana diperbodohkan oleh Temenggung (Isa, 2013d:31), berasa terkejut kerana mendapat tahu bahawa Singapura bukanlah sarang lanun seperti yang diberitahu oleh pengintip-pengintipnya (Isa, 2013d:31), merasa jijik dengan “sikap orang Melayu yang suka makan suap” (Isa, 2013d:32), merasa jengkel dengan “gelagat ... keanak-anakan” dan sikap “leka” Sultan “terhadap perkara yang sangat penting itu” (Isa, 2013d:33), dan berasa terkejut sekali lagi dengan permintaan Sultan agar diberi hadiah yang dijanjikan dari China, iaitu candu. Walau bagaimanapun, dia menerima kelewatan tersebut lantas berkata: “6 Februari ... Baiklah. Kita tetapkan hari tersebut sebagai hari bersejarah”. Beliau menambah lagi “Sebagai Leftenan Gabenor British yang berpangkalan di Bengkahulu, saya isytiharkan secara rasmi Singapura ditemukan British pada hari itu” (Isa, 2013d: 34).

Sultan Hussein dan Temenggung terpinga-pinga dengan kelancangan kenyataan tersebut. Mereka teringat sejarah panjang Singapura dan peranannya sebagai kota pelabuhan. Namun, mereka hanya mampu menggeleng-gelengkan kepala sambil membeliikkan mata memandang orang putih itu. “Benak mereka telah dipenuhi dan dikaburi asap candu”. Bab itu berakhir dengan: “Mereka berasa sangat bertuah kerana telah berurusan dengan pihak British” (Isa, 2013d:35) tentang ketagihan Sultan dan Temenggung terhadap candu dan peranan British dalam menggalakkan ketagihan tersebut demi kepentingan mereka, sila lihat halaman 73, 75, 78, 86, 124, dan terutamanya 140. Crawford berpendapat bahawa Temenggung meninggal dunia awal kerana racun yang dicampurkan ke dalam candu yang “dihadaiahkan” oleh Raffles kepadanya, “sebagai balasan buah durian yang dihidangkannya” (hlm. 135).⁶

Daripada ringkasan ini, dijelaskan bagaimana novel *1819* menggambarkan Raffles dan pihak British sebagai orang yang berniat jahat terhadap orang Melayu yang mempunyai hak semula jadi terhadap Singapura dan sejarah yang dibanggakan

di pulau itu; dan pembesar-pembesar Melayu sebagai orang yang tamak dan ketagihan dadah, bersifat keanak-anakan dan hanya mementingkan diri mereka sendiri.

KEPENTINGAN PENCERITAAN ISA KAMARI: PERISTIWA 1819

Siapakah Orang Melayu?

Kembali kepada persoalan yang dilontarkan sebelum ini: “Siapakah orang Melayu dan apakah ertinya menjadi seorang Melayu di Singapura hari ini?” Bagi tujuan makalah ini, persoalan “Siapakah orang Melayu?” dapat dijawab secara umum. Penulisan ini tidak mengambil pendekatan akademik yang bersifat *essentialist* seperti yang dibincangkan oleh Kahn (2006), Milner (2008), Andaya (2008), Maznah Mohamad dan Syed Muhd Khairudin Aljunied (2011), dan Trocki (2007). Sebaliknya, penulisan ini mengambil pendekatan yang digunakan oleh ahli falsafah Ludwig Wittgenstein dalam bukunya *Philosophical Investigations*. Dalam buku tersebut, beliau berbicara tentang “*family resemblances*” atau keserupaan keluarga:

Sebagai contoh, perhatikan apa yang dikenali sebagai “permainan”. Apa yang saya maksudkan ialah permainan papan (*board game*), permainan kad, permainan bola, permainan sukan olimpik, dan lain-lain. Apakah ciri-ciri sepunya kesemua permainan tersebut? Jangan kata: Sudah tentu permainan-permainan itu mempunyai ciri-ciri sepunya, kalau tidak masakan semuanya boleh dinamakan “permainan”, tetapi lihat dan perhatikan jika terdapat ciri-ciri sepunya bagi semua permainan. Jika anda perhatikan permainan tersebut, anda tidak akan nampak ciri-ciri sepunya, tetapi persamaan, hubungan, malah satu siri lengkap yang mengandungi persamaan dan hubungan ...

Kami melihat sebuah jaringan kompleks persamaan yang saling bertindih dan bersilang. Adakalanya terdapat persamaan keseluruhan dan adakalanya terdapat persamaan pada peringkat perincian.

(Wittgenstein, 1968)

Seorang “Melayu” di Singapura merupakan orang yang menganggap dirinya sebagai orang Melayu dan secara umumnya diterima sebagai Melayu. Seperti dalam kes anak perempuan Isa, perkataan “Melayu” ditulis dalam semua dokumen rasmi dan bukan rasmi miliknya. “Orang Melayu” berkongsi apa-apa “persamaan kekeluargaan” sesama sendiri dan tidak merupakan orang Cina, India atau Eropah.

“Melayu” merupakan suatu kontrak sosial yang berterusan dan boleh berubah mengikut keadaan dan tujuan. Seseorang itu boleh menjejaki asal usul salasilah keturunannya, sama ada secara penuh atau tidak kepada Arab, India, China, Sumatera, Jawa, Bali, Lombok, Bawa, Borneo, Makasar atau kawasan lain di Indonesia, dan masih dianggap seorang Melayu bagi hampir apa-apa tujuan. Hatta orang Eropah yang mengahwini perempuan Melayu dan memeluk Islam dianggap sebagai telah “masuk Melayu”. (Jika mereka bercerai kemudian, mereka tidak semestinya dianggap telah “keluar Melayu”; hal ini bergantung pada hubungan mereka pada masa depan dengan masyarakat Melayu dan pegangan mereka terhadap agama Islam.)

Profesor Madya Lily Zubaidah Rahim, dalam bukunya yang kini boleh dianggap sebagai sebuah buku klasik, *The Singapore Dilemma: The Political and Educational Marginality of the Malay Community* (1998), berpendapat bahawa terdapat tiga “jalanan unsur rencam yang mencanai jati diri Melayu Singapura”. Tiga jalinan tersebut ialah jati diri Melayu raya, kesedaran tentang Islam, dan keterpinggiran sosioekonomi masyarakat Melayu” (Lily Zubaidah, 1998:13). Jalinan pertama dan ketiga termaktub dalam Seksyen 152, Perlembagaan Singapura. Seksyen 152 bermula dengan jati diri Melayu raya: “Dasar Kerajaan Singapura hendaklah diberikan pertimbangan dan kepentingan pada setiap masa dalam mengiktiraf kedudukan istimewa orang Melayu sebagai penduduk peribumi pulau itu ...”. Seksyen ini tidak menyebut apa-apa mengenai Islam secara terus terang tetapi ada membicarakan tentang keterpinggiran “... dan juga bangsa yang sangat memerlukan bantuan, dan oleh yang demikian menjadi tanggungjawab Kerajaan Singapura untuk melindungi, menyokong, memelihara dan menggalakkan kepentingan politik, pelajaran, agama, ekonomi, sosial dan budaya mereka serta penggunaan bahasa Melayu” (Lily Zubaidah, 1998:13).

Renungan untuk Orang Melayu

Tidak dapat dinafikan bahawa “keterpinggiran politik dan pendidikan” merupakan sesuatu yang sukar diterima sebagai sebahagian daripada jati diri seseorang itu, lebih-lebih lagi jika hal ini termaktub dalam perlembagaan. Jika masyarakat Melayu tersebut telah membatinkan dan menerima satu ideologi yang merendah-rendahkan mereka, maka penerimaan mereka terhadap “realiti kehidupan” yang penuh “diskriminasi dan peluang yang tidak sama rata” dijangka akan berterusan (Lily Zubaidah, 1998: 61; Li, 1989:166-83; Suriani, 2004). Satu soalan lagi yang agak ketara ialah: “Jika inilah keadaannya, bagaimanakah kita menjelaskan kelemahan ini yang telah lama berakar umbi dan masih berterusan?” Saya ingin mengatakan bahawa novel *1819 (Duka Tuan Bertakhta)* bukan sahaja menceritakan “penubuhan” Singapura moden tetapi tentang keadaan orang Melayu di Singapura pada hari ini.

Keadaan tersebut mula diceritakan daripada Bab Pertama novel *1819*. Habib Nuh bukan sahaja ternampak Raffles melalui ilmu firasat batinnya. Beliau juga terlihat “Munsi yang bermisai dan berjanggut pendek ... sangat cerdas kelihatannya ... tekun menelaah kitab-kitab ... gemar menulis. Umurnya sekitar dua puluhan” (Isa, 2013d: 11). “Munsi” atau guru bahasa tersebut ialah Munsi Abdullah bin Abdul Kadir, yang terkenal dengan karyanya yang bersifat autobiografi *Hikayat Abdullah*. Isi kandungan karya tersebut banyak menyumbang terhadap jalan cerita pada penghujung novel *1819*.⁷

Halaman 211-12 mengandungi satu bahagian panjang yang menceritakan pendapat Munsi Abdullah tentang orang Melayu. Beliau berpendapat bahawa “kelemahan” orang Melayu berpunca daripada kemiskinan yang parah, anomi, dan kejahilan terutamanya dalam bidang perdagangan (Isa, 2013d:211). Pendapat tersebut dibuat bukan sahaja berdasarkan pengalamannya bersama-sama masyarakat Melayu di Singapura tetapi juga di Kelantan, Terengganu dan Pahang, “seperti yang beliau saksikan sendiri semasa berkhidmat dengan pihak British. Cerita ini telah pun didokumentasikan dalam *Kisah Pelayaran Abdullah*” (Isa, 2013d:211: Abdullah, 1838/1960).⁸

Punca utama kelemahan orang Melayu ialah: “zalim dan aniaya raja-raja mereka berlebihan atas segala rakyatnya, sehingga hati rakyatnya itu menjadi seumpama tanah yang tiada berbaja lagi” (Isa, 2013d:211). Kritikan itu diajukan lebih kepada Sultan Hussein berbanding Raffles.⁹ Isa mempunyai harapan tertentu daripada mereka yang memegang tampuk pemerintahan. Perkara ini diluahkan secara jelas dan terang dalam *One Earth*, apabila salah seorang watak utamanya, Yassir, menggambarkan perasaannya selepas Perang Dunia Kedua sebagai: “rasa begitu sedih dan marah ... sedih kerana banyak orang kita yang menderita ketika itu. Marah kerana pihak British yang kembali memerintah tak mahu bela nasib kita” (2008:81). Munsi Abdullah menggambarkan perkara tersebut sebagai:

Kegundahan itu telah menular dan mendarah daging akibat daripada tabiat dan tindakan Sultan Hussein yang berlarut-larut mengecewakan rakyat. Kedukaan itu telah membekas dalam perjalanan sejarah sebagai parut yang hodoh. Jelas orang Melayu telah kehilangan kuasa dan pengaruh di Singapura buat selama-lamanya. Bagai kerakap atas batu, hidup segan mati tak mahu.

Jelas langkah Sultan Hussein ... adalah tindakan pengecut yang sungguh tidak bertanggungjawab. Dia telah tunduk di bawah telunjuk orang ... yang pandai bermain lidah dan berhati walang.

(Isa, 2013d:211)

Tidak mustahil Sultan boleh menentang Raffles kalau benaknya tidak “dikaburi asap candu” (Isa, 2013d: 35). Dalam keadaan yang mabuk, Sultan bukan sahaja telah melakukan satu kesalahan di sisi syarak, tetapi telah secara terang-terangan melanggar perjanjian primordial antara seorang sultan dan rakyatnya. Oleh itu, dia tidak layak ditaati lagi. Kontrak asal, yang diterangkan dalam *Sejarah Melayu* (Shellabear, 1975:21-22), mengatakan bahawa rakyat akan berkhidmat untuk pemerintah, manakala pemerintah pula seharusnya menjaga kebajikan rakyat. Jika rakyat melakukan perbuatan jenayah, dia seharusnya dihukum menurut undang-undang Islam tetapi tidak dianiaya secara verbal. Terdapat kadar tolerans yang amat tinggi terhadap ketidakadilan pemerintah. Perkara ini cukup jelas kerana rakyat tidak patut sekali-kali menderhaka. Walau bagaimanapun terdapat satu klausa akhir: jika pemerintah melanggar sumpah janjinya untuk memelihara rakyatnya dan tidak sekali-kali menganiaya mereka, maka pada saat itu rakyat juga berhak melepaskan tanggungjawab mereka dalam kontrak tersebut. Di tempat yang lain dalam novel *1819*, Abdullah menjelaskan perkara ini seperti yang berikut: “Rakyat tidak berhak menentukan nasib mereka sendiri. Semuanya tertakluk pada budi bicara raja sepenuhnya” (Isa, 2013d:104-05). Berdasarkan kontrak inilah Wan Cantuk percaya bahawa perbuatannya membunuh Sultan Hussein adalah berasas dan boleh dijustifikasikan: “apabila Sultan Hussein sendiri telah mengkhianati amanah sebagai raja, dia berasa bertanggungjawab menamatkan riwayatnya agar rakyat tidak terus diabaikan” (Isa 2013d: 221).

Apakah implikasi perkara tersebut terhadap Singapura hari ini yang amat berbeza dari segi kepelbagaian kaum dan budaya politik? Masalahnya bukanlah sesuatu yang berkait dengan sultan, tetapi persoalannya ialah: Apakah jenis pemimpin yang layak memimpin masyarakat Melayu dalam konteks sebuah republik? Watak Munsyi Abdullah mencadangkan dua model kepimpinan yang berpotensi. Model pertama ialah Wan Cantuk. Beliau merupakan seorang pemimpin tradisional, seorang dukun dan guru silat. Beliau merupakan seorang yang “sangat handal dan mempunyai ramai pengikut”, tetapi masyarakat takut kepadanya. Dia juga “mudah bertindak mengikut perasaan marah dan dendam”. Tambahan lagi:

Semangat dan perjuangan Wan Cantuk pula tertumpu kepada kehandalan dan kesaktian perguruan silatnya sahaja dan tidak dijuruskan secara ikhlas dan murni kepada kemaslahatan hidup rakyat jelata. Impiannya untuk menentang penjajah, lantas membela nasib orang Melayu tidak berhasil kerana perancangannya tidak teratur dan sering dipesongkan pertelingkahan dalaman dengan pendekarnya sendiri.

Munsiy Abdullah merumuskan bahawa “Sifat sedemikian bukan sifat pemimpin sejati” (Isa 2013d: 211).

Tidak dapat dinafikan bahawa Isa boleh sahaja memberikan banyak contoh ahli politik Melayu yang juga bersifat agresif daripada sejarah politik mutakhir Singapura, namun beliau memilih untuk tidak berbuat demikian.

Untuk memahami analisis Isa tentang kelemahan masyarakat Melayu Singapura dan kepimpinannya, kita perlu meneliti penjelasan kedua Munsiy Abdullah tentang kelemahan orang Melayu, iaitu Islam. Menurut Munsiy Abdullah, “agama Islam yang dianuti rakyat jelata hanya tertumpu pada kerohanian dan ibadat khusus tanpaimbangan yang setimpal dalam muamalat, pemerintahan dan pentadbiran Negara” (Isa, 2013d:212). Model kedua Munsiy Abdullah untuk pemimpin masyarakat Melayu ialah Habib Nuh, seorang Muslim yang warak:

Memang ramai orang Melayu sangat menghormati Habib Nuh yang dianggap wali. Memang dia juga sangat alim dan baik hati. Namun Munsiy Abdullah berasakan Habib Nuh tidak berpengaruh ke atas pentadbiran dan urusan pemerintahan pulau ini ... Malah pentadbir British menganggapnya kurang siuman dan selalu berbuat kacau. Habib Nuh berperanan sebagai pelindung akidah dan syariat Islam, tetapi tidak berkeupayaan merubah cara hidup orang Melayu agar terlepas daripada penindasan dan penderitaan yang terbit daripada kebobrokan istana. Dia juga tidak berupaya menyiapkan orang Melayu dengan ilmu yang membolehkan mereka berhadapan dengan cabaran hidup yang dibawa British secara berkesan.

Sekali lagi, “Bukan seperti itu yang diperlukan orang Melayu sebagai pemimpin” (Isa, 2013d:211).

Seorang pemimpin politik Melayu yang hanya menitikberatkan Islam juga tidak akan berjaya di Singapura pada zaman ini kerana pemimpin sedemikian tidak mampu mempersiapkan pengikutnya bagi menghadapi realiti dunia globalisasi masa kini yang berteknologi tinggi. Tambahan lagi, pemimpin tersebut juga tidak akan mempunyai satu landasan umum yang boleh diguna pakai untuk berunding dengan kumpulan etnik yang lain. Malahan, mempraktikkan Islam secara ekstrim mungkin akan ditafsirkan sebagai cenderung terhadap keganasan.¹⁰

Kritikan terhadap Habib Nuh membawa kita kepada penjelasan ketiga Munsiy Abdullah tentang sebab kelemahan orang Melayu, iaitu, “minda tertutup orang Melayu yang menolak sebarang bentuk ilmu baru sama ada ilmu sekular mahupun agama. Keadaan ini menyebabkan pihak British dan pihak lain menyebarkan mitos bahawa orang Melayu merupakan penduduk asal yang lemah dan malas” (Isa, 2013d: 212, Syed Hussein, al-Attas 1977). Isa mengutuk strategi subversif tersebut

yang digunakan oleh British sepanjang novel ini. Pada halaman 87, Raffles memberi pendapatnya tentang Munsyi Abdullah:

Dia cerdas dan memandang ke hadapan. Dia berani mengkritik Sultan dan berterus terang mengenai pemerhatiannya terhadap orang Melayu. Nilai hidup yang dianutinya lebih dekat dengan hasrat kita mengajar rakyat yang terjajah tentang nilai kehidupan yang lebih dekat dengan tamadun yang kita hayati. Kita bukan hanya mahu menjajah tanah mereka. Kita juga mesti menjajah pemikiran dan nilai hidup mereka.

Seperti yang dijangkakan, pendidikan, bukanlah untuk semua orang Melayu. Raffles menambah:

Kita hanya perlu memandaikan segelintir daripada mereka yang berguna bagi matlamat dan rancangan kita. Bagi orang Melayu keseluruhannya, buat mereka berasakan diri mereka lemah dan malas. Tumpulkan daya pemikiran dan lemahkan semangat mereka untuk berjaya dalam hidup. Jangan beri mereka peluang dalam perniagaan atau menjawat kedudukan tinggi dalam pentadbiran.

(Isa, 2013d: 87).

Munsyi Abdullah hanya mampu mengeluh apabila Sultan Hussein dan Temenggung menolak pelawaan Raffles untuk mendidik anak-anak mereka di India sekali gus memberikan contoh yang kurang baik untuk rakyat jelata (Isa, 2013d:103).

Munsyi Abdullah merumuskan pendapatnya tentang kelemahan orang Melayu dengan menyatakan “semua ini tidak akan terjadi jika terdapat pemimpin yang berwawasan dan berwibawa daripada kalangan orang Melayu. Jadi siapakah yang layak memimpin orang Melayu di Singapura, khususnya? Calon tersebut harus bijak, berilmu, mempunyai kebolehan mengesan kelemahan mereka dan berupaya belajar daripada orang lain untuk menawarkan jalan keluar terhadap masalah yang dihadapi rakyat” (Isa, 2013d:212). Berdasarkan pendapat ini, kita boleh menambah beberapa lagi ciri kepimpinan terutamanya sifat menitikberatkan kebajikan masyarakat, kemahiran berunding dengan masyarakat dan antara masyarakat, perancangan yang baik, keupayaan memupuk dan mengekalkan semangat taat setia dalam kalangan pengikut, mempunyai minat terhadap bidang perniagaan dan pentadbiran pada peringkat tertinggi, dan menitikberatkan kesejahteraan dunia dan akhirat.

Pendapat Munsyi Abdullah yang kedua dan ketiga dapat juga ditafsirkan dengan cara yang lain. Makna tersirat pemikiran Munsyi Abdullah ialah, semua ahli masyarakat Melayu perlu memikirkan semula pemahaman mereka terhadap Islam

dan mereka patut memperkukuh norma kesusilaan dan daya tahan mereka. Masalah yang dihadapi bukan sahaja memerlukan kepimpinan yang baharu tetapi memerlukan satu kewarganegaraan yang baharu juga.

Judul asal novel *1819* dalam bahasa Melayu ialah *Duka Tuan Bertakhta*. Petikan yang berikut dinukilkan daripada puisi “Nisan” yang dihasilkan oleh penyair Indonesia Chairil Anwar (1922-1949):

Bukan kematian benar menusuk kalbu
 Keridhoanmu menerima segala tiba.
 Tak kutahu setinggi itu atas debu
 Dan duka maha tuan bertakhta.

KESIMPULAN

Interaksi yang berlaku antara Raffles, Farquhar, Crawford dan Bonham, Temenggung dan Sultan, Habib Nuh dan Wan Cantuk bermula dari tahun 1819 dan berlanjutan sehingga hari ini. Interaksi ini merupakan sebahagian daripada tragedi berterusan yang melanda Singapura dan masyarakat Melayu di sana. “Akhirnya, dia datang juga,” kata Wan Cantuk apabila Habib Nuh tiba di Singapura (dengan berjalan kaki atas air!) (Isa, 2013d:39). Malangnya, tiada siapa yang boleh menyelamatkan masyarakat Melayu. Ternyata semua pemimpin telah gagal kerana persekitaran sosial mereka yang tandus. Satu masyarakat baharu perlu dibentuk terlebih dahulu sebelum perubahan dapat dilakukan. *1819* mampu merangsang pembentukan sebuah “Melayu Baru Singapura”, yang berbeza daripada rakyat pasif dan menderita kerana diperintah oleh tokoh-tokoh sejarah tersebut. Nuraman, anak murid silat Wan Cantuk yang utama, Marmah, anak angkat perempuan Wan Cantuk, ketiga-tiga anak muda Ramli, Sudin dan Ajis, mungkin bukanlah watak-watak kecil seperti yang mungkin kita sangkakan pada awalnya.

NOTA

- 1 Tarikh sebenar penubuhan Singapura sukar ditentukan. Bandingkan kenyataan Emily Hahn dalam bukunya *Raffles of Singapore*: “Tarikh rasmi penubuhan Singapura ialah 29 Januari 1819...” (1946:487), dan kenyataan Isa dalam *1819* bahawa 1 Februari 1819 merupakan “hari British menemui Singapura” (Isa, 2013:34).

- 2 Trocki berpendapat bahawa “kesahan gelaran Sultan Hussein yang meragukan merupakan satu-satunya asas yang digunakan Syarikat Hindia Timur untuk menuntut kuasa terhadap Singapura” (2007:66).
- 3 Terdapat sekurang-kurangnya dua pendapat dalam kepustakaan Melayu (dari pertengahan hingga penghujung abad ke-19) tentang penubuhan “Singapura Moden”. Kedua-dua pendapat tersebut memberi tumpuan yang lebih terhadap aktiviti Farquhar barbanding Raffles. *Tuhfat al-Nafis* (Matheson dan Andaya, 1982) berpendapat bahawa Raffles mengutus Farquhar ke Singapura, manakala dia pergi ke Bengal. “Jadi Kolonel Farquhar belayar ke Singapura dan bertemu dengan Temenggung Abd al-Rahman. Mereka berbincang bersama dan permintaan Farquhar berkaitan Singapura diperkenankan dan persetujuan mengenai pertabalan Tengku Long sebagai raja dicapai”. Walau bagaimanapun, Farquhar keberatan untuk “menyelesaikan segala yang telah dibincangkan dengan Temenggung” dan membuat keputusan muktamad sebelum kepulangan Raffles dari Bengal. Setibanya Raffles dari Bengal, Farquhar dan Temenggung menaiki kapal dan melaporkan apa yang mereka telah bincangkan. Raffles yang marah kerana Tengku Long masih belum ditabalkan sebagai Raja Singapura terus mengutus seorang pegawai untuk membawa Tengku Long ke Singapura dengan serta-merta “agar perkara tersebut dapat diselesaikan dengan segera” (Matheson dan Andaya, 1982:227). *Tuhfat al-Nafis* menukulkan kata-kata perjanjian kedua tersebut yang mengatakan bahawa “Gabenor-General Bengal telah melantik Tengku Long dan menggelarnya Sultan Husain Syah ibni Al-Marhum Sultan Mahmud Syah di negeri Singapura dan kawasan-kawasan di bawahnya”; menceritakan pembinaan sebuah istana untuk isteri Tengku Long dan pemindahan “rakyatnya” dari Riau ke Singapura; dan secara bulat-bulat membuat kesimpulan bahawa “Orang Inggeris menubuhkan sebuah penempatan di Singapura, dan ramai orang Melayu, orang laut, dan orang Cina berkumpul di situ untuk menerima upah harian mereka bagi membina penempatan tersebut. Ramai pedagang Melayu datang” (Matheson dan Andaya, 1982:228).

Hikayat Abdullah menceritakan peristiwa tersebut dalam Bab 11. Hill mengatakan bahawa Munsyi Abdullah tidak ada pada masa itu dan menonjolkan watak Farquhar secara berlebihan: “Versi yang diceritakan oleh (Munsyi Abdullah) agak celaru dan dibuat berdasarkan maklumat tidak tepat yang diambil selepas berlakunya peristiwa yang cuba digambarkan olehnya” (1970: 13). Atau, seperti yang dikatakan oleh Emily Hahn apabila menceritakan peristiwa tersebut: “Dalam kesemua petikan langsung yang dibuat oleh Munsyi Abdullah, “Farquhar” bererti “Raffles” (1946: 463). Namun, cerita Munsyi Abdullah tentang rasa malu yang ditanggung Sultan selepas “Konvensyen” 7 Jun 1823 amat mengharukan: “Lebih kurang lima hari selepas termeterainya perjanjian, Mr. Crawford mengarahkan gong dipalu di seluruh Singapura dan di Kampong Gelam dan sebuah perisytiharan dibaca: ‘Ketahuilah bahawa kuasa penuh kehakiman dan perundangan bagi seluruh Singapura telah diserahkan kepada Syarikat Hindia Timur. Oleh yang demikian, Sultan Shah dan Temenggung tidak lagi memegang apa-apa kuasa. Sultan tidak boleh lagi mengeluarkan apa-apa arahan tanpa persetujuan majistret’. Apabila Sultan diberitahu tentang apa yang diumumkan oleh tukang canang barulah dia sedar hakikat bahawa dia tidak lagi berupaya membuat apa-apa. Bak kata pepatah Melayu ‘sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tiada apa gunanya’ ” (Hill, 1970:221).

- 4 Perkataan “cantuk” merujuk kaedah bekam yang digunakan oleh sesetengah perubatan tradisional untuk merangsangkan pengaliran darah. Untuk maklumat lebih lanjut tentang Wan Cantuk, sila lihat Abdul Ghani Hamid (1998).
- 5 Pada pendapat Ghouse, “Kewajipan kita terhadap wali *majzub* ialah selalu bersangka baik pada mereka tidak kira betapa peliknya kelakuan mereka. Kelakuan mereka tidak patut dianggap sebagai melampaui batas kerana jazbah itu tidak akan menguasai mereka sekiranya kesedaran diri mereka yang paling dalam cenderung terhadap kejahatan dan perkara-perkara yang tidak bermoral” (Ghouse, 2008:21).
- 6 Untuk maklumat lanjut tentang kepentingan candu dalam perdagangan British di Asia pada abad kesembilan belas, sila lihat Trocki 1999. Dalam *Prince of Pirates*, Trocki menerangkan bahawa candu merupakan “tulang belakang aktiviti perdagangan Riau tidak kira sama ada pada peringkat domestik mahupun antarabangsa seawal tahun 1740” (2007:35 dan 43).
- 7 Simpati Munsyi Abdullah terhadap pihak British sering dikritik pada hari ini (sila lihat Ungku Maimunah, 2003: 30-70; Aveling, 2011) dan Isa memang menekankan pergantungan beliau pada Raffles serta pentadbir-pentadbir lain dan mubaligh-mubaligh Kristian, dan juga kesamaran pendirian beliau terhadap pelbagai isu (sila lihat halaman 151, 154, 171-73, 208-09). Namun, Isa juga kelihatan bersependapat dengan “rakan seperjuangannya” dalam banyak hal (sebagai contoh, lihat Isa, 2013a:212).
- 8 Satu lagi pemerhatian yang dibuat oleh beliau berdasarkan pengembaraan di sepanjang pantai timur Semenanjung ialah orang British, tidak seperti keluarga diraja Melayu. Mereka sanggup membayar upah yang berpatutan bagi kerja-kerja yang dibuat untuk mereka. Mereka menghindari budaya berpuak-puak, dan mengenakan undang-undang secara sama rata kepada semua orang (Isa, 2013a:64-65; Abdullah, 1960:116-19).
- 9 Terence Chong mengatakan bahawa Angkatan Sasterawan 50 di Singapura merupakan “sebuah ejen budaya yang cuba menerapkan nilai sosialis dan antikolonialis, menerusi kesusasteraan Melayu, bagi menghadapi golongan elit Melayu yang berpendidikan Inggeris” (2011:880). Isa juga mengikuti sebahagian daripada tradisi ini, namun beliau menulis dalam era lepas penjajahan (pascakolonial) yang tidak lagi mengamalkan pemerintahan aristokrasi mahupun mempunyai masyarakat tani. Zamannya menitikberatkan politik kepelbagaian budaya. Dalam karyanya seperti *1819*, *Rawa* dan *Song of the Wind*, “rakyat biasa” digambarkan berdasarkan faktor tersebut (lihat Aveling, 2013).
- 10 Seperti dalam *Memeluk Gerhana*: lihat *A Song of the Wind*, hlm. 220-34. Dalam “Nota kepada Pembaca” *Intercession* (2010:162-66), Isa juga memberikan pendapatnya tentang masalah yang dihadapi umat Islam disebabkan oleh keterikatan mereka dengan masa lampau dan kegagalan untuk menyesuaikan diri dengan dunia masa kini. Beliau menegaskan bahawa salah satu kemungkinan ialah kecenderungan terhadap keganasan, iaitu cara yang diguna oleh Wan Cantuk.

RUJUKAN

- A Ghani Hamid, 1998. *Wak Cantuk: Drama Sebabak*. Singapura: Perkumpulan Seni.
- Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi, 1960. *Kesah Pelayaran Abdullah*. Cetakan keenam. Singapore: Malaya Publishing House.
- Al-Attas, Syed Hussein, 1971. *Thomas Stamford Raffles: Schemer or Reformer?* Sydney: Angus and Robertson.
- Al-Attas, Syed Hussein, 1977. *The Myth of the Lazy Native*. London: Cass.
- Aveling, Harry, "Malinche and Abdullah bin Abdul Kadir, Translators and Interpreters as Spiritual and Political Intermediaries" dlm. *Lintas Bahasa: Translingua*, 15:1, 32-43, November 2011.
- Aveling, Harry, "Review of Isa Kamari 1819, Rawa and A Song of the Wind" dlm. *Asiatic* 7:2, hlm. 318-21, 2013.
- Chong, Terence, "Manufacturing Authenticity: The Cultural Production of National Identities in Singapore" dlm. *Modern Asian Studies* 45:4, 877-97, 2011.
- Chou, Cynthia, 2010. *The Orang Suku Laut of Riau, Indonesia*. London: Routledge.
- Collis, Maurice, 1985. *Raffles*. Singapore: Brash.
- Feuerstein, Georg, 1991. *Holy Madness, The Shock Tactics of Crazy-Wise Adepts, Holy Fools and Rascal Gurus*. New York: Paragon House.
- Hahn, Emily, 1946. *Raffles of Singapore*. New York: Doubleday.
- Hill, A.H. (ed.), 1970. *The Hikayat Abdullah*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Isa Kamari, 1993a. *Sumur Usia*. Singapore: Pustaka Nasional.
- Isa Kamari, 1993b. *Sketsa Minda*. Singapore: Pustaka Nasional.
- Isa Kamari, 1998. *Satu Bumi*. Singapore: Pustaka Nasional.
- Isa Kamari, 2002a. *Menara*. Singapore: Pustaka Nasional.
- Isa Kamari, 2002b. *Kiswah*. Singapore: Pustaka Nasional.
- Isa Kamari, 2002c. *Tawassul*. Singapore: Pustaka Nasional.
- Isa Kamari, 2003. *Munajat Sukma*, Singapore: Pustaka Nasional.
- Isa Kamari, 2006a. *Atas Nama Cinta*. Kuala Lumpur: Al-Ameen Serve Holdings.
- Isa Kamari, 2006b. *Ka'bah: 33 Puisi Tanah Suci*. Kuala Lumpur: Al-Ameen Serve Holdings.
- Isa Kamari, 2006c. *Lorong Wahyu, 33 Puisi Tanah Suci*. Al-Ameen Serve Holdings.
- Isa Kamari, 2006d. *Cinta Arafat: 34 Puisi Tanah Suci*. Al-Ameen Serve Holdings.
- Isa Kamari, 2007. *Memeluk Gerhana*. Kuala Lumpur: Al-Ameen Serve Holding.
- Isa Kamari, 2008a. *Intercession*. Diterjemah oleh Sukmawati Sirat. Singapore: Marshall Cavendish.
- Isa Kamari, 2008b. *One Earth*. Diterjemah oleh Sukmawati Sirat. Singapore: Ethos Books.
- Isa Kamari, 2008c. *Nadra*. Diterjemah oleh Sukmawati Sirat. Singapore: Ethos Books.
- Isa Kamari, 2009a. *Pintu: Tiga Drama Pentas*. Kuala Lumpur: Ameen Kreatif.
- Isa Kamari, 2009b. *Rawa: Tragedi Pulau Batu Puteh*. Kuala Lumpur: Ameen Kreatif.
- Isa Kamari, 2010a. *Celupan: 16 Cerita Jiwa Resah*. Kuala Lumpur: Al-Ameen Serve Holdings.

- Isa Kamari, 2010b. *Menara*. Batu Caves: PTS Litera Utama.
- Isa Kamari, 2010c. "Some Personal Reflections on Political Culture in Contemporary Singapore Malay Novels" dlm. Rick Hosking, Susan Hosking, Noritah Omar dan Washima Che Dan (ed.) *Reading the Malay World*. Kent Town SA: Wakefield Press.
- Isa Kamari, 2011. *Duka Tuan Bertakhta*. Kuala Lumpur: Al-Ameen Serve Holdings.
- Isa Kamari, 2013a. *A Song of the Wind*. Diterjemahkan oleh Sukmawati Sirat and R. Krishnan. Kuala Lumpur: Silverfish.
- Isa Kamari, 2013b. *Rawa*. Diterjemah oleh R. Krishnan. Kuala Lumpur: Silverfish.
- Isa Kamari, 2013c. *The Tower*. Diterjemah oleh Alfian Sa'at. Singapore: Epigram.
- Isa Kamari, 2013d. *1819*. Diterjemah oleh R. Krishnan. Kuala Lumpur: Silverfish.
- Kahn, Joel S, 2006. *Other Malays: Nationalism and Cosmopolitanism in the Modern Malay World*. Singapore: ASAA Southeast Asia Publications Series, in association with Singapore University Press and NIAS Press.
- Kassim Ahmad (ed.), 2004. *Abdullah Munshi: Hikayat Abdullah*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan.
- Li, Tania, 1989. *Malays in Singapore: Culture, Economy, and Ideology*. Singapore: Oxford University Press.
- Lily Zubaidah Rahim, 1998. *The Singapore Dilemma: The Political and Educational Marginality of the Malay Community*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Lily's Room, 2011, "A Muslim Novelist in Singapore" dlm. *The Sun*, 7 October, dalam talian <http://d.hatena.ne.jp/itunalily2/20111007>, capaian 10 Oktober 2013.
- Matheson, Virginia and Andaya, Barbara Watson, 1982. *The Precious Gift (Tuhfat al-Nafis)*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Maznah Mohamad and Syed Muhd. Khairudin Aljunied, 2011. *Melayu: The Politics, Poetics and Paradoxes of Malayness*. Singapore: NUS Press.
- Milner, Anthony, 2008. *The Malays*. Oxford: Wiley-Blackwell.
- Muhammad Ghouse Khan Surattee, 2008. *The Grand Saint of Singapore: The Life of Habib Nuh bin Muhammad al-Habshi*. Singapore: Al'Firdaus Mosque.
- Noraini Md Yusof dan Ruzy Suliza Hashim, "History into Fiction: Re-Visioning the Past in Isa Kamari's Atas Nama Cinta" dlm. *Malay Literature*, 23:2, hlm. 1-17, 2010.
- Raffel, Burton, 1993. *The Voice of the Night: Complete Poetry and Prose of Chairil Anwar*. Karya terjemahan. Athens OH: Ohio University Press.
- Shellabear, W.G., (ed.), 1975. *Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Siti Rabeah Masri, Kamariah Kamarudin dan Pabiyah Hajimaming, "The Muslim Woman's Personality and the Development of Insan Kamil in the Novels of Faisal Tehrani and Isa Kamari" dlm. *Malay Literature* 26:1, hlm. 38-64, 2013.
- Sukmawati Sirat, 1995. "Trends in Malay Political Leadership: The People's Action Party's Malay Political Leaders". Tesis PhD University of South Carolina.
- Suriani Suratman, 2004. "Problematic Singapore Malays – the Making of a Portrayal". Seminar Series no. 36, Dept. of Malay Studies, National University of Singapore.
- Syed Muhd. Khairudin Aljunied, 2009. *Colonialism, Violence and Muslims in Southeast*

- Asia: The Maria Hertogh Controversy and its Aftermath*. London: Routledge.
- Trocki, Carl A, 1999. *Opium, Empire and the Global Political Economy*. London:Routledge.
- Trocki, Carl A, 2007. *Prince of Pirates; The Temenggongs and the Development of Johor and Singapore 1784-1885*. Edisi kedua. Singapore: NUS Press.
- Turnbull, C.M, 1989. *A History of Singapore 1819-1988*. Edisi kedua. Singapore: Oxford University Press.
- Ungku Maimunah Mohd Tahir , 2003. *Readings in Modern Malay Literature*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wake, C.H , “Raffles and the Rajas: The Founding of Singapore in Malayan and British Colonial History” dlm. *JMBRAS* 48:1, hlm. 47-73, 1975.
- Wittgenstein, Ludwig, 1968. *Philosophical Investigations*. Diterjemah oleh G.E.M. Anscombe. Oxford: Blackwell.